

UMS perintis teknologi penyulingan air laut

KOTA KINABALU 20 April – Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal mencipta sejarah dalam penggunaan teknologi penyulingan air laut dengan membangunkan pusat penyulingan pertama di kampus cawangan universiti berkenaan di Labuan.

Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat UMS, Prof. Madya Dr. Rosalam Sarbatly berkata, berdasarkan perancangan, projek tersebut dijangka mampu menghasilkan sebanyak 1,000 kubik air sehari bagi menampung keperluan mahasiswa di kampus berkenaan.

“Saya telah menyiapkan dan membentangkan kertas kerja bagi membina pusat penyulingan air laut di kampus UMS Labuan itu.

“Anggaran kos adalah sebanyak RM25 juta bagi menampung penggunaan seluruh kampus UMS Labuan dan kampung-kampung berhampiran,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurutnya, pada masa ini pihaknya telah berbincang dengan beberapa buah syarikat bagi membekalkan peralatan yang diperlukan.

Katanya, sekiranya projek itu berjalan lancar ia akan mengambil masa kira-kira setahun untuk disiapkan.

Rosalam berkata, meskipun pada asasnya teknologi digunakan sama dengan loji penyulingan lain tetapi terdapat perbezaan pada reka bentuk proses penyulingan selain beberapa bahan asas.

‘Anggaran kos adalah sebanyak RM25 juta bagi menampung penggunaan seluruh kampus UMS Labuan dan kampung-kampung berhampiran

- ROSALAM SARBATLY

Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat UMS

“Sebenarnya dalam membuat proses penyulingan ini bahan yang digunakan tidak banyak bezanya cuma kita perlu menyediakan reka bentuk keseluruhan proses yang berbeza sesuai dengan kehendak kita dan keadaan semasa.

“Selain itu kita juga akan menggunakan bahan penapis ‘membran’ pintar yang dibangunkan sendiri oleh UMS sejak 2006,” katanya.

Beliau memberitahu, ‘membran’ pintar berkenaan dihasilkan daripada sejenis polimer dan batu seramik menggunakan teknologi UMS.

Jelasnya, antara kelebihan ‘membran’ pintar berkenaan adalah ia dapat melakukan kadar penurasan yang lebih baik cepat berbanding produk lain.

Dalam pada itu Rosalam berkata, pihak industri seperti perkilangan, di pulau tersebut juga seharusnya menggunakan kaedah penyulingan untuk membekalkan air bagi kegunaan mereka.

“Berdasarkan maklumat saya, Petronas sahaja menggunakan kira-kira separuh air bersih yang disalurkan ke pulau Labuan pada masa ini, jadi saya rasa adalah lebih wajar kalau mereka dapat melakukan sendiri penyulingan air.

“Selain memastikan bekalan air dapat disalurkan kepada pengguna awam ia juga penting kerana pergantungan sepenuhnya terhadap bekalan air dari Beaufort tidak memadai memandangkan daerah itu sering berlaku banjir,” katanya.

Sementara itu, katanya, penggunaan teknologi berkenaan di negara ini juga tepat pada masanya memandangkan banyak negara telah berjaya menggunakan teknologi ini termasuk negara jiran, Singapura.

DR. Rosalam Sarbatly menunjukkan saluran penapis yang akan digunakan untuk membangunkan teknologi penyulingan air laut bagi kampus cawangan UMS Labuan ketika ditemui di UMS Kota Kinabalu, baru-baru ini.

